# IADA Barat Laut nafi projek diberi kepada kroni

**KUALA SELANGOR** – Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor menafikan dakwaan segelintir kontraktor yang kononnya kesemua projek yang dibuka secara tender, sebut harga dan undian diberikan kepada kroni tertentu terutamanya di kawasan Tanjong Karang.

Pengarah IADA Barat Laut Selangor, Muhammad Nasir Khusairi menjelaskan, kesemua projek bernilai RM20,000 sehingga RM200,000 dibuka kepada kontraktor kelas F melalui sebut harga bagi daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.



# Kontraktor gagal dapat projek

*Mohon tender, sebut harga secara telus bagi wujudkan persaingan sihat*

**KUALA SELANGOR** – Lebih 300 kontraktor kelas F daerah ini memohon keprihatinan agensi kerajaan supaya memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan tender dan sebut harga secara telus bagi mewujudkan persaingan sihat.

Wakil kontraktor, Mohd Ladzim Abdullah berkata, setakat ini, boleh dikatakan kebanyakan kontraktor kelas F gagal mendapatkan sebarang projek yang dilaksanakan di kawasan Tanjong Karang.

Keadaan itu menurutnya, sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan masing-masing.

"Pendapatan kami sejak setahun lalu hanya cukup-cukup makan saja kerana hanya dapat beberapa projek kecil yang ada di sekitar kawasan Kuala Selangor termasuk projek Kerajaan Negeri.

"Ramai kontraktor di kawasan ini kesal kerana sering gagal mendapatkan projek tertentu kerana dianggap kurang berkemampuan, sedangkan kami berhabis wang untuk membeli borang tender yang bernilai RM10 setiap satu," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Mohd Ladzim berkata, sewajarnya lesen kelas F dikhususkan kepada bumiputera yang masih belajar berniaga dalam bidang berkenaan.

Kata beliau, pihaknya mengakui wujud persaingan antara kontraktor lain dalam mendapatkan sebarang projek, namun situasi bagi kontraktor kelas F agak berbeza apabila hanya bergantung kepada projek kecil untuk meraih pendapatan.

"Mungkin ada baiknya kerajaan mengadakan sesi dialog bersama kontraktor kelas F bagi membantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) D... Kuala Selangor, Ir Shafii Ram... kata, hanya 70 sebut harga di... kan JPS tahun lalu jika diband... dengan bilangan kontraktor ya... di daerah ini.

Menurutnya, tahun ini, ... harga kerja JPS masih belum d...

"Saya akui, dengan jumla... traktor yang ramai, sudah te... antara mereka gagal untuk... dapatkan projek yang dibuka...

"Kerja pun kurang, bilang... traktor pun ramai iaitu lebih... 500 kontraktor kelas F yang... Tanjong Karang dan Kuala S... jadi saya lihat wujudnya p... untuk mendapatkan sebut... katanya.

MOHD LADZIM

SHAFII

Keratan 28 Januari lalu.

"Tidak timbul isu pilih bulu atau kroni dalam mendapatkan projek IADA Barat Laut di kawasan ini seperti yang didakwa kerana kita ikut prosedur yang ditetapkan.

"Kecuali bagi projek yang mengunakan undian, kontraktor terbabit perlu mendaftar dengan IADA Barat Laut terlebih dahulu dan mempunyai surat sokongan daripada wakil rakyat.

"Itu adalah prosedur biasa yang perlu dipenuhi semua kontraktor di dua daerah ini," katanya ketika diminta mengulas dakwaan kontraktor yang gagal menerima projek kerana lebih mengutamakan kontraktor tertentu.

Sementara itu, Jurutera IADA Barat Laut Selangor, Saari Abdullah, kontraktor yang ada di daerah ini perlu faham bahawa mereka bersaing dengan ramai kontraktor lain untuk mendapatkan projek.

"Jumlah kontraktor yang ada di daerah ini adalah lebih 500 orang. Jika mereka menuduh IADA Barat Laut hanya memberi projek kepada kroni tertentu, kita mempunyai rekod setiap kontraktor yang dapat projek terbabit, malah kita boleh buktikan setiap kontraktor yang dapat projek itu individu berbeza.

"Jika mahu adil dan semua kontraktor di daerah ini dapat projek, mereka perlu membuat perbincangan bersama kesemua agensi kerajaan dan pentadbir daerah untuk mencapai kata sepakat supaya mana-mana kontraktor yang sudah mendapat projek sebelum ini, nama mereka rela digugurkan," katanya.

Terdahulu, wakil kontraktor, Mohd Ladzim Abdullah mendakwa, kebanyakan kontraktor kelas F termasuk dirinya setakat ini gagal mendapatkan sebarang projek di bawah IADA Barat Laut Selangor di kawasan Tanjong Karang sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.